

LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DALAM SEKTOR PEMBALAKAN DI NEGERI PAHANG

DAERAH : JERANTUT
HUTAN SIMPAN : TEKAM
KOMPARTMEN : 60, 61 DAN 67

Penilaian Impak Sosial (SIA) di kawasan pembalakan di atas telah dilakukan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah Jerantut dalam tempoh sebelum, semasa dan selepas aktiviti pembalakan dijalankan di bagi tempoh 2017 sehingga 2019.

Bagi kajian impak sosial yang telah dikemukakan ke atas penduduk setempat di Kampung Orang Asli Sematau, untuk sepanjang tempoh sebelum, semasa dan selepas pembalakan, hasil kajian adalah seperti berikut:

SEBELUM AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Berdasarkan maklumbalas awal yang diberi oleh wakil masyarakat orang asli, tiada kesan ketara negatif dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna kepada masyarakat tersebut. Bahkan dengan adanya aktiviti pembalakan tersebut dijangka berlakunya peningkatan ekonomi masyarakat orang asli, penambahbaikan infrastruktur, tiada penularan penyakit berjangkit, tiada gejala sosial negatif yang akan mempengaruhi masyarakat orang asli, perubahan alam sekitar dalam keadaan terkawal dan kepelbagaian flora dan fauna dapat dipelihara.

Secara keseluruhannya, wakil masyarakat Kampung Orang Asli Sematau bersetuju dengan aktiviti pembalakan yang akan dijalankan di HS Tekam dan mengharapkan aktiviti pembalakan yang dilaksanakan oleh pihak pelesen dapat dijalankan secara beretika dan di bawah pemantauan pihak Pejabat Hutan Daerah Jerantut kelak.

SEMASA AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Semasa aktiviti pembalakan dijalankan di HS Tekam, maklumbalas yang diterima daripada wakil masyarakat Kampung Orang Asli Sematau adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada masyarakat tersebut dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun setelah kerja-kerja pembalakan dimulakan, wakil masyarakat orang asli telah memberikan maklumbalas bahawasanya kesan daripada kerja pembalakan adalah minimum dan tidak menjejaskan kehidupan seharian penduduk di Kampung Orang Asli Sematau.

Secara keseluruhannya tiada bantahan diterima daripada penduduk Kampung Orang Asli Sematau untuk aktiviti pembalakan di HS Tekam diteruskan.

SELEPAS AKTIVITI PEMBALAKAN

(berdasarkan borang soal selidik yang digunapakai sehingga tahun 2018)

Setelah aktiviti pembalakan dijalankan di HS Tekam, maklumbalas yang diterima daripada wakil penduduk Kampung Orang Asli Sematau adalah tiada kesan ketara yang negatif kepada penduduk setempat dari segi ekonomi, infrastruktur, kesihatan, kestabilan sosial, kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian flora dan fauna. Walaupun setelah kerja-kerja pembalakan selesai dijalankan, wakil masyarakat orang asli telah memberikan maklumbalas bahawasanya kesan daripada kerja pembalakan adalah minimum dan tidak menjejaskan kehidupan seharian penduduk di Kampung Orang Asli Sematau. Diharapkan kesan-kesan daripada pembalakan tersebut kelak keadaan dirian

hutan akan kembali seperti asal dan aktiviti ekonomi masyarakat setempat akan dapat berjalan seperti biasa. Hal ini kerana, dalam tempoh satu ke dua tahun pertama setelah aktiviti pembalakan selesai, dirian tinggal (pokok-pokok yang tidak ditebang) akan membentuk suatu dirian hutan terpulih yang baharu di mana keadaan ekosistemnya akan menjadi lebih baik dan kesan-kesan daripada aktiviti pembalakan akan dapat di baik pulih.

Secara keseluruhannya tiada bantahan diterima daripada penduduk Kampung Orang Asli Sematau setelah aktiviti pembalakan selesai dijalankan.